

19/08/1998

Acara alternatif jika cuaca buruk

MAJLIS Sukan Komanwel yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merangka pelan kontingensi bagi memastikan upacara pembukaan dan penutup Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI berjalan lancar walaupun dalam cuaca buruk.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata majlis itu yang bermesyuarat kelmarin, sudah menilai dan menimbang beberapa acara yang mungkin dibatalkan atau diteruskan, bergantung kepada keadaan cuaca.

"Kita tidak mahu upacara pembukaan dan penutup terjejas kerana cuaca buruk, terutama hujan.

"Justeru, majlis akan merangka pelan kontingensi untuk menghadapi situasi di luar jangkaan itu. Mana-mana program yang sudah diatur akan diteruskan seperti biasa jika cuaca baik.

"Tetapi sekiranya cuaca kurang memuaskan, mungkin beberapa program itu terpaksa dipendek ataupun dibatalkan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Lembaga Eksekutif Sukan Komanwel di Zon Antarabangsa, Perkampungan Sukan, Bukit Jalil, semalam.

Kelmarin, Muhyiddin berkata negara bersedia menghadapi apa juga kemungkinan, termasuk fenomena La Nina, bagi memastikan penganjuran Sukan Komanwel '98 bulan depan, tidak terjejas.

Mengenai program yang mungkin terpaksa dibatalkan akibat hujan ketika upacara pembukaan dan penutup, ia termasuk persembahan kesenian yang akan berlangsung di atas padang, kawasan yang tidak ditutupi bumbung Stadium Nasional, Bukit Jalil.

"Stadium kita tak tutup sepenuhnya dan persembahan kesenian dan kebudayaan mungkin terpaksa ditimbang semula sakiranya keadaan memaksa. Tetapi jika hujan renyai-renyai, kita akan teruskan persembahan itu.

"Beberapa acara yang menjadi tradisi seperti perarakan negara peserta akan diteruskan dan kita mungkin membekalkan atlit dengan baju hujan.

"Begitu juga dengan upacara menaikkan bendera, penyerahan baton ratu dan bacaan ikrar akan tetap dilangsungkan," kata Muhyiddin.

Perdana Menteri akan menyaksikan raptai upacara pembukaan esok manakala raptai penuh akan diadakan pada 6 dan 9 September.

(END)